

TAHAP PENGETAHUAN GURU PELATIH TERHADAP PELAKSANAAN PDPR MENGUNAKAN APLIKASI TEKNOLOGI

THE LEVEL OF KNOWLEDGE OF TRAINEE TEACHERS ON THE IMPLEMENTATION OF PDPR USING TECHNOLOGY APPLICATIONS

^{i*}Mohd Izzuddin Mohd Pisol, ⁱⁱMuhammad Hanif Ali, ⁱⁱⁱHasrol Basir, Annasaii Jamar,
^{iv}Mohd Amin Mohd Noh, ^vSalihin Hafizi Mohd Fauzi, ^{vi}Arif Rahman

^{iii,iv,v}Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS), ^{vi}Fakulti Agama Islam, Universiti Ahmad Dahlan (UAD)

*(Corresponding author) e-mail: mohdizzuddin@uis.edu.my

Article history:

Submission date: 3 June 2024
Received in revised form: 10 Aug 2024
Acceptance date: 24 Sept 2024
Available online: 30 Nov 2024

Keywords:

Guru Pelatih, Pengetahuan, PdPR, Teknologi, Inovasi

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Mohd Pisol, M. I., Ali, M. H. ., Basir, H. ., Jamar, A. ., Mohd Noh, M. A. ., Mohd Fauzi, S. H. ., & Rahman, A. . (2024). Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan PdPR Menggunakan Aplikasi Teknologi: The Level of Knowledge of Trainee Teachers on the Implementation of PDPR Using Technology Applications. *Malaysian Journal of Information and Communication Technology (MyJICT)*, 9(2), 57-63. <https://doi.org/10.53840/myjict9-2-203>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact myjict@uis.edu.my.

Abstract

Pengajaran guru memainkan peranan dalam perkembangan mutu pendidikan. Pandemik COVID 19 yang menjadi krisis kesihatan awam memberikan impak kepada pelbagai aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, pendidikan, sosial. Aspek pendidikan menerima impak COVID 19 yang memerlukan perubahan daripada kaedah pengajaran berasaskan teknologi agar proses pendidikan dapat dilaksanakan walaupun murid tidak hadir ke sekolah secara fizikal. Kajian ini bertujuan melihat tahap pengetahuan guru pelatih semasa Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR) dilaksanakan. Seramai 188 orang guru pelatih Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS) terpilih secara rawak mudah untuk menjadi responden bagi kajian ini. Rekabentuk kajian ini dijalankan secara kaedah tinjauan dengan menggunakan instrumen set soal selidik bagi mendapatkan data kajian. Data kajian dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 29. Dapatan kajian mendapati tahap pengetahuan guru pelatih terhadap PdPR menggunakan aplikasi berada pada tahap yang tinggi dengan $\text{min}=4.05$. Hasil kajian ini dapat memberi input berkaitan penggunaan teknologi yang baik bagi guru pelatih yang menjalani praktikum seiring dengan keperluan semasa agar dapat membentuk pengajaran dan pembelajaran yang interaktif dan menarik.


Pengenalan

Perkembangan zaman memerlukan perubahan penggunaan teknologi dalam pendidikan. Situasi ini menggambarkan bahawa generasi baharu yang sentiasa berhadapan dengan perkembangan teknologi melalui penggunaan telefon yang berasaskan internet. Hal ini berkembang dengan peredaran zaman melalui aplikasi yang digunakan semakin canggih dan memerlukan guru yang mahir dalam aspek penggunaan teknologi. Pengetahuan yang diperoleh oleh guru semasa dalam perkhidmatan amat penting dalam berdepan dengan situasi pembelajaran akibat daripada penularan COVID-19 di seluruh dunia memerlukan perubahan kepada kaedah pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran atas talian.

Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) telah menjadi salah satu kaedah utama dalam era norma baharu, terutamanya ketika berdepan dengan cabaran pandemik. Peralihan ini memastikan kesinambungan proses pendidikan walaupun dalam situasi yang tidak membenarkan pembelajaran secara bersemuka. Menurut Losius et al. (2020), pelaksanaan pembelajaran dalam talian adalah alternatif yang signifikan untuk menggantikan sistem pendidikan konvensional semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan penguasaan dalam aspek teknologi dan kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam kalangan sebahagian guru, yang menjejaskan keberkesanan PdPR.

Kajian Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020) mendapati bahawa tahap literasi teknologi dalam kalangan guru belum memadai untuk memanfaatkan sepenuhnya *platform* pembelajaran atas talian. Kekangan ini boleh menjejaskan kebolehan guru dalam menyampaikan pelajaran dengan berkesan kepada pelajar. Seiring dengan perkembangan teknologi, guru disarankan untuk meneroka dan menguasai pelbagai kaedah pengajaran menggunakan aplikasi digital yang tersedia, seperti *Quizizz*, *Kahoot*, *Wordwall*, dan sebagainya. Menurut Muniroh et al. (2020), penggunaan teknologi sebagai alat bantu pengajaran bukan sahaja mempermudah proses pembelajaran, tetapi juga berpotensi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kandungan yang diajarkan.

Selain itu, kajian terkini seperti oleh Fenny et al. (2021) mencadangkan bahawa pendekatan pengajaran tradisional perlu diubah atau diintegrasikan dengan aplikasi TMK untuk memenuhi keperluan pembelajaran moden. Guru perlu meningkatkan kompetensi mereka dalam mempelbagaikan kaedah penyampaian maklumat agar lebih menarik dan interaktif. Pelbagai inisiatif latihan dan pendedahan kepada platform pendidikan digital yang inovatif juga perlu diberi penekanan bagi memastikan guru lebih bersedia menghadapi cabaran dalam PdPR. Justeru itu, objektif kajian adalah untuk menganalisis tahap pengetahuan guru pelatih terhadap pelaksanaan PdPR menggunakan aplikasi teknologi seperti diterangkan dalam Rajah 1.0 di bawah:



Rajah 1.0: Pemboleh ubah Bebas dan Pemboleh ubah Bersandar

Rajah 1.0 menerangkan tentang guru pelatih sebagai responden kajian, manakala tahap pengetahuan dijelaskan sebagai pemboleh ubah bebas dan penggunaan aplikasi teknologi dijadikan sebagai pemboleh ubah bersandar di dalam kajian ini.

Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru pelatih semasa PdPR dilaksanakan. Persoalan kajian adalah “Apakah tahap pengetahuan guru pelatih semasa PdPR dilaksanakan?”

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif iaitu kajian yang menjalankan satu tinjauan dalam mengkaji tahap pengetahuan guru pelatih terhadap pelaksanaan PdPR menggunakan aplikasi teknologi. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif, iaitu tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah tersebut dan juga menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 2005). Lokasi kajian tertumpu di Universiti Islam Selangor (UIS). Persampelan kajian ini adalah seramai 188 responden sahaja. Persampelan merupakan satu proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian (Chua, 2014). Kesahan dan kebolehpercayaan dilaksanakan bagi memastikan sampel yang dipilih adalah sesuai. Bagi memastikan kesesuaian sampel yang dipilih, teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak mudah. Analisis deskriptif digunakan bagi menganalisis data statistik yang diperolehi daripada kajian ini.

Tujuan analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai dalam menghuraikan dapatan kajian yang diperolehi daripada instrumen soal selidik. Data kajian yang diperolehi daripada set soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan skala Likert yang dipaparkan pada Jadual 1.0 berikut:

Jadual 1.0: Skala Likert Persetujuan

Bil.	Singkatan	Tafsiran
1	STS	Sangat Tidak Setuju
2	TS	Tidak Setuju
3	SS	Sederhana Setuju
4	S	Setuju
5	SS	Sangat Setuju

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan hasil analisis berkaitan pengetahuan guru pelatih terhadap pelaksanaan PdPR menggunakan aplikasi teknologi. Berikut adalah hasil analisis:

Jadual 2.0: Taburan Min, Sisihan Piawai dan interpretasi Min Pengetahuan Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan PdPR Menggunakan Aplikasi Teknologi

Bil	Item	STS	TS	SS	S	SS	Min	Interpretasi
1	Saya boleh menggunakan aplikasi teknologi dalam melaksanakan PdPR.	0	0	19 (10.1)	115 (61.2)	54 (28.7)	4.19	Tinggi
2	Saya tahu menggunakan aplikasi teknologi untuk berkongsi maklumat dengan para pelajar semasa melaksanakan PdPR.	0	0	22 (11.7)	110 (58.5)	56 (29.8)	4.18	Tinggi
3	Saya boleh muat turun dan muat naik bahan pengajaran semasa melaksanakan PdPR.	0	1 (0.5)	21 (11.2)	107 (56.9)	59 (31.4)	4.19	Tinggi
4	Saya boleh menggunakan strategi pengajaran yang pelbagai untuk menggalakkan pelaksanaan PdPR.	3 (1.6)	7 (3.7)	4 (22.9)	103 (54.8)	32 (17.0)	3.82	Sederhana Tinggi
5	Saya tahu mempelbagaikan aplikasi teknologi yang akan digunakan dalam aktiviti pengajaran semasa pelaksanaan PdPR.	2 (1.1)	5 (2.7)	56 (29.8)	86 (45.7)	39 (20.7)	3.82	Sederhana Tinggi
6	Saya mampu untuk mencari peluang mempelajari aplikasi teknologi yang baharu untuk meningkatkan pengetahuan PdPR.	1 (0.5)	3 (1.6)	35 (18.6)	111 (59.0)	38 (20.2)	3.97	Sederhana Tinggi
7	Saya boleh membina sendiri aktiviti pembelajaran menggunakan aplikasi teknologi yang akan digunakan semasa PdPR.	1 (0.5)	6 (3.2)	56 (29.8)	85 (45.2)	40 (21.3)	3.84	Sederhana Tinggi
8	Saya memberikan bahan rujukan kepada pelajar menggunakan aplikasi teknologi semasa pelaksanaan PdPR.	0	2 (1.1)	25 (13.3)	110 (58.5)	51 (27.1)	4.12	Tinggi
9	Saya kerap mendapatkan maklumat yang boleh diakses menggunakan aplikasi teknologi semasa pelaksanaan PdPR.	1 (0.5)	3 (1.6)	29 (15.4)	110 (58.5)	45 (23.9)	4.04	Tinggi
10	Saya menggunakan Google meet semasa melaksanakan PdPR secara <i>real-time</i> .	0	3 (1.6)	16 (8.5)	77 (41.0)	92 (48.9)	4.37	Tinggi
Min Keseluruhan							4.05	Tinggi

Jadual 2.0 di atas menunjukkan terdapat 4 item yang mempunyai min yang tinggi dalam konstruk kesediaan guru pelatih terhadap pelaksanaan PdPR menggunakan aplikasi teknologi. Dapatan kajian menunjukkan item C1 “*Saya boleh menggunakan aplikasi teknologi dalam melaksanakan PdPR*” menunjukkan seramai 169 orang (89.9%) menyatakan persetujuan dengan memperoleh nilai min iaitu 4.19 dan item C2 “*Saya tahu menggunakan aplikasi teknologi untuk berkongsi maklumat dengan para pelajar semasa melaksanakan PdPR*” menunjukkan seramai 166 orang (88.3%) dengan memperoleh nilai min iaitu 4.18 dan item C3 “*Saya boleh muat turun dan muat naik bahan pengajaran semasa melaksanakan PdPR*” menyatakan persetujuan dengan memperoleh nilai min iaitu 4.19. Seterusnya item C8 “*Saya memberikan bahan rujukan kepada pelajar menggunakan aplikasi teknologi semasa pelaksanaan PdPR*” memperoleh persetujuan sebanyak 186 orang (97.8%) dengan nilai min 4.12. Manakala item C9 “*Saya kerap mendapatkan maklumat yang boleh diakses menggunakan aplikasi teknologi semasa pelaksanaan PdPR*” memperoleh persetujuan sebanyak 184 orang (97.8%) dengan nilai min iaitu 4.04. Item C10 “*Saya menggunakan Google meet semasa melaksanakan PdPR secara real-time*” 185 orang (98.4%) memperoleh nilai min 4.37.

Terdapat 3 item yang mempunyai hasil dapatan dengan min sederhana tinggi. Hasil dapatan menunjukkan item C4 “*Saya boleh menggunakan strategi pengajaran yang pelbagai untuk menggalakkan pelaksanaan PdPR*” menunjukkan bahawa seramai 135 orang (71.8%) dan item C5 “*Saya tahu mempelbagaikan aplikasi teknologi yang akan digunakan dalam aktiviti pengajaran semasa pelaksanaan PdPR*” memperoleh nilai min iaitu 3.82. Item C7 “*Saya boleh membina sendiri aktiviti pembelajaran menggunakan aplikasi teknologi yang akan digunakan semasa PdPR*” memperoleh 125 orang (66.5%) memperoleh nilai min sebanyak 3.84. Selain itu, item C6 “*Saya mampu untuk mencari peluang mempelajari aplikasi teknologi yang baharu untuk meningkatkan pengetahuan PdPR*” memperoleh persetujuan sebanyak 186 orang (97.8%) memperoleh nilai min sebanyak 3.97.

Min keseluruhan dapatan kajian bagi konstruk kesediaan guru pelatih terhadap pelaksanaan PdPR menggunakan aplikasi teknologi adalah 4.05. Interpretasi skor min menunjukkan min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi.

Perbincangan dan Penutup

Dapatan dari kajian ini menunjukkan kebanyakan guru pelatih bersedia menggunakan aplikasi teknologi sewaktu menjalankan PdPR. Pendedahan menggunakan teknologi mendorong guru pelatih untuk memantapkan kemahiran dalam menggunakan teknologi khususnya semasa pelaksanaan PdPR. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Napiah dan Hashim (2021) yang menyatakan keperluan pendedahan ilmu teknologi kepada guru-guru pelatih sebelum diserapkan ke sekolah bagi melaksanakan sesi proses PdP. Persediaan dan kemahiran yang diterapkan kepada guru pelatih dapat memastikan kelancaran menjalankan proses PdP sekaligus memastikan para guru pelatih mampu mengikuti perkembangan teknologi dan mendepani cabaran yang dihadapi pada masa akan datang.

Selain itu, interaksi dan komunikasi di antara guru pelatih ketika menggunakan aplikasi teknologi memudahkan lagi proses pelaksanaan PdPR. Platform PdP seperti Google Meet, Webex, dan Zoom membantu guru pelatih berkomunikasi dengan murid-murid. Kemahiran komunikasi adalah elemen penting bagi seorang guru pelatih bagi memastikan kejayaan proses PdP. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Zulfahmi (2008) dan Abu & Ismail (2010) yang menyatakan bahawa kemahiran komunikasi seorang guru adalah karakteristik penting bagi menjayakan peribadi guru sebagai seorang pengurus dalam bilik darjah. Semakin berkesan komunikasi yang dijalankan, semakin tinggi kemampuan untuk mencapai objektif PdP yang telah dirancang.

Guru pelatih mempunyai motivasi menggunakan aplikasi teknologi yang sedia ada bagi menjalankan PdPR. Motivasi tinggi dalam menyampaikan PdPR membuatkan proses PdP dalam talian dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kesukaran dalam menggunakan teknologi membuatkan seseorang tidak bermotivasi dalam menggunakan aplikasi teknologi. Hal ini serupa yang dihadapi oleh guru pelatih. Menurut Antin & Kiflee (2018), guru yang mempunyai tahap motivasi tinggi lebih cenderung untuk

melaksanakan tugas dengan efisien. Motivasi yang tinggi mendorong guru sentiasa bersedia melaksanakan tugas mereka dengan berdedikasi dan produktif. Ini mempengaruhi pencapaian guru tersebut kerana tingkah laku bermotivasi dapat melahirkan individu mempunyai sikap yang baik dan dapat melaksanakan tugas yang sukar dengan cara paling inovatif dan efektif.

Pelaksanaan PdPR juga memudahkan perbincangan dijalankan menggunakan platform asas dalam talian. Ini kerana penggunaan platform pembelajaran dalam talian mempunyai ciri-ciri menarik untuk memudahkan sesi perbincangan dilaksanakan. Hakimi (2021) menyatakan sesi PdPR dapat menjimatkan kos daripada pelbagai aspek, memanfaatkan penjadualan waktu pembelajaran yang baik, mempunyai daya capaian yang lebih meluas, memberikan ruang pembelajaran yang interaktif dan membenarkan masa pembelajaran yang fleksibel. Ini turut disokong oleh Nurul Huda dan Muhammad Zulkarnain (2021) yang menyatakan PdPR banyak memanfaatkan para pelajar dengan cara meningkatkan kemahiran teknologi, membuka peluang pendidikan jarak jauh tanpa batasan, mengurangkan kos perbelanjaan, memberi ruang untuk waktu pembelajaran yang fleksibel dan suasana pembelajaran yang kondusif.

Secara keseluruhan, guru pelatih perlu sentiasa proaktif dalam merancang kaedah PdP dalam talian mengikut revolusi perkembangan aplikasi terkini yang boleh diaplikasikan mengikut norma baharu. Pelbagai usaha dan strategi dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan dari sudut pelaksanaan PdPR supaya dapat diimplementasi dengan baik dan sempurna. Selain itu, kaedah pengajaran yang dilaksanakan mampu memberi alternatif dan idea yang terbaik dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran dalam talian yang lebih interaktif. Perkara ini amat penting bagi memenuhi keperluan pendidikan murid yang lebih berkesan dalam menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam menempuhi cabaran pendidikan yang sesuai dengan keperluan zaman pada masa kini.

Penghargaan

Penghargaan diucapkan kepada guru pelatih Fakulti Pendidikan yang terlibat sebagai responden kajian. Penghargaan turut diucapkan kepada Fakulti Pendidikan kerana memberi kebenaran untuk kajian ini dilaksanakan terhadap guru pelatih.

Rujukan

- Abu, Baharin, and H. Ismail. "Tahap Kesediaan Guru Pelatih Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup Mengajar Subjek Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah." *Universiti Teknologi Malaysia* (2010).
- Antin, Arzizul, and Dg Norizah Binti Ag Kiflee. "Pengaruh beban tugas dan motivasi terhadap keefisienan kerja guru sekolah menengah di Sabah." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 3, no. 2 (2018): 77-84.
- Chua, Yan Piaw. *Asas statistik penyelidikan*. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd., 2014. Feng, Fenny Lau Yeo, Kee Guek Fen, Khoo Phau Liang, and Lee Huoy Shin. "Kaedah Pengajaran Dalam Talian Guru Bahasa Melayu Dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (A View into Online Teaching Methods of Malay Language Teachers and Students' Motivation in Primary School during Movement Control Order)." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11, no. 1 (2021): 57-74.
- Hashim, Jamal Hisham, Mohammad Adam Adman, Zailina Hashim, Mohd Firdaus Mohd Radi, and Soo Chen Kwan. 2021. "COVID-19 epidemic in Malaysia: epidemic progression, challenges, and response." *Frontiers in public health*.
- Losius, G., K. Absly, J. Marcelus, and G. Y. Nazarius. "Cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh semasa Perintah Kawalan Pergerakan [Challenges of implementing distance teaching and learning during the Movement Control Order]." *Pejabat Pendidikan Daerah Ranau* (2020).
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hamat, Muniroh, Siti Balqis Mahlan, and Pei Eng Ch'ng. "Adaptasi pengajaran dan pembelajaran secara

- maya dalam kebiasaan baharu semasa pandemik COVID-19." *SIG: e-learning@ CS 1* (2020): 23-30.
- Nunnally, J. C., and I. H. Bernstein. "The Assessment of Reliability. *Psychometric Theory*, 3, 248-292.
- Nyhan, RC, and HA Marlowe.(1997). Development And Psychometric Properties Of The Organizational Trust Inventory." *Evaluation Review* 21, no. 5 (1994): 614-635.
- Azizan, Siti Nurbaizura Che, and Nurfaradilla Mohamad Nasri. "Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19: Teacher's View on Online Learning through Home Based Learning approach (HBL) during period COVID-19 Pendency." *PENDETA* 11 (2020): 46-57.
- World Health Organisation (WHO) (2021) Coronavirus disease (COVID-19): How is it transmitted? Diakses pada 19/11/2022 melalui <https://www.who.int/news-room/questions-and-answers/item/coronavirus-disease-covid-19-how-is-it-transmitted>
- Zulfahmi MD Hanafiah (2008). Faktor-Faktor Yang Mendorong Keberkesanan Pengajaran Guru Pelatih UTM Dalam Menghadapi Latihan Mengajar. UTM: Skudai, Johor. Tesis Sarjana Muda. Diterbitkan.